

## Penyertaan 'Pitch Your Ideas'

'PITCH YOUR IDEAS' adalah sebuah projek berdasarkan dari Hasil Kajiselidik RTBGo 2022 yang mana RTBGo memerlukan pembaikan dari segi konten rancangan sesuai dengan kehendak pengguna. Projek ini memberi peluang kepada orang ramai untuk mengongsikan idea bagi menghasilkan sebuah rancangan yang berkualiti dan diminati ramai. Dengan adanya projek ini, orang ramai berpeluang untuk berkecimpung dalam bidang penulisan skrip, jalan cerita dan menjadi penyelidik secara sambilan.

Idea-idea yang terpilih akan dikembangkan bersama dengan penerbit-penerbit dibawah Seksyen RTBGo dan diterbitkan menjadi rancangan-rancangan eksklusif RTBGo.

Tarikh tutup penyertaan: **Sabtu, 9 September 2023** sebelum atau pada jam **4.30 petang**.

### Garis Masa

- Projek berlangsung bermula: **7 Ogos – 15 Oktober 2023** (10 minggu)
- Pembukaan penyertaan: **7 Ogos – 9 September 2023** (5 minggu)
- Information Day: **12 Ogos 2023 & 26 Ogos 2023** (2 hari) - *Online*
- Pemilihan Peringkat Pertama bersama ahli jawatankuasa: **11-16 September 2023** (1 minggu)
- Sesi Pitching: **25 – 30 September 2023** (1 minggu)
- Pengumuman keputusan: **14 Oktober 2023\***

\*Tertakluk kepada perubahan

### Tatacara dan Kriteria Pemilihan

1. Penghantaran borang penyertaan melalui **email / hardcopy**
2. Kriteria Pemilihan:
  - i. Idea yang menarik, konsep yang kreatif dan original.
  - ii. Perkara-perkara yang berkaitan dengan jalan cerita hendaklah mengikut ciri-ciri konsep **Melayu Islam Beraja** dan garis panduan Tata Amalan Penyiaran 1998.
  - iii. Bahasa: Hanya 1 bahasa sahaja - Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Penggunaan Bahasa kesat adalah dilarang.
3. Ahli jawatankuasa akan menilai dan memilih idea yang boleh dikembangkan menjadi sebuah rancangan dan keputusan adalah muktamad.

## Syarat dan Terma Penyertaan

1. Penyertaan dibukakan kepada orang ramai berumur antara 20 hingga 60 tahun.
2. Setiap peserta dibenarkan menghantar sebanyak dua penyertaan sahaja.
3. Penyertaan dibukakan kepada pemegang kad pengenalan Negara Brunei Darussalam (Kuning, Merah/Ungu dan Hijau) kecuali Pegawai dan Kakitangan Radio Televisyen Brunei.
4. Setiap idea yang dihantar hendaklah asli dan belum pernah diterbitkan. Radio Televisyen Brunei tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga ke atas hak cipta jalan cerita tersebut.
5. Borang penyertaan hendaklah dihantar kepada:

**'Pitch Your Ideas'**

**Tingkat 2, Unit Perisian Online Seksyen RTBGo**

**Bahagian Rancangan TV**

**RTB Sungai Akar Broadcasting Complex**

**Jalan Utama Mentiri**

**Kampung Sungai Akar, BC3915,**

**Negara Brunei Darussalam**

No. Telefon: **2384666** sambungan **4158** atau **3137**

atau

Melalui emel: **rtbgotv@gmail.com**

6. Bagi perkara-perkara yang tidak dinyatakan dalam syarat pertandingan, pihak Radio Televisyen Brunei berhak untuk membuat keputusan dan setiap keputusan adalah muktamad.
7. Pihak penganjur berhak mengubahsuai dan menambah pembaikan bagi penyertaan yang terpilih atas persetujuan peserta (jika diperlukan).